

18 OCT 2000

Elektrik

INDONESIA MAHU JUAL BEKALAN ELEKTRIK KEPADA MALAYSIA

LANGKAWI, 18 Okt (Bernama) -- Indonesia merancang untuk menjual bekalan elektrik kepada Malaysia menerusi rangkaian kabel dasar laut sepanjang 170km dari Riau ke Johor, kata Menteri Tenaga dan Sumber Galiannya Purnomo Yusgiantoro hari ini.

Beliau berkata Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid mengutarakan cadangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan mereka di sini semalam.

"Dr Mahathir berkata beliau akan menimbangkan perkara itu," kata Purnomo dalam satu temubual di sini.

Riau mempunyai lapisan arang batu yang banyak dan Indonesia bersedia membina stesen janakuasa yang menggunakan arang batu di sana untuk membekalkan elektrik ke Malaysia, katanya.

Kawasan itu boleh menjanakan 5,000 MW bekalan elektrik, kata Purnomo.

Purnomo berada di sini bagi mengiringi Abdurrahman yang melakukan lawatan kerja dua hari yang berakhir hari ini.

Presiden Indonesia dan rombongannya berlepas ke Hong Kong dalam perjalanan ke Seoul untuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) ketiga Jumaat ini.

Purnomo berkata Indonesia telah juga menjemput Petronas untuk mencari gali dan mengeluarkan minyak di Selatan Sumatera.

Katanya Petronas telah bersetuju menjalankan kajian kesesuaian bagi projek itu yang boleh dijalankan secara usahasama dengan syarikat minyak negara Indonesia, Pertamina.

-- BERNAMA

JM NH AKD